

Integrasi ilmu, akhlak lahir masyarakat sejahtera

Bak kata Seniman Agung Tan Sri P Ramlee: 'Irama dan lagu tidak dapat dipisahkan', begitulah juga paduan antara ilmu dan akhlak sebenarnya.

Akhlak yang murni adalah terjemahan kepada ilmu benar yang dimiliki. Benarlah apa yang diungkapkan oleh Imam Syafie bahawa Ilmu adalah imam (pemimpin) manakala amal atau akhlak adalah tabiu'hu (pengikutnya).

Maka, akhlak yang tinggi perlulah seiring dengan ketinggian ilmu atau keintelektualan seseorang. Dengan memetik kenyataan Menteri Pelajaran dan Pendidikan Tinggi 11, Datuk Seri Idris Jusoh dalam akbar *BH* bertajuk *Utama akhlak seiring akademik* pada 18 Mei lalu, beliau menegaskan 'pencapaian akademik tinggi tanpa akhlak murni tidak mampu membawa kesejahteraan kepada rakyat'.



*Benarlah apa yang diungkapkan oleh Imam Syafie bahawa, **Ilmu adalah imam** (pemimpin) manakala amal atau akhlak adalah tabiu'hu (pengikutnya)"*

Ia membawa mesej yang sangat murni dan jelas kepada peri pentingnya pengintegrasian ilmu dan akhlak dalam konteks pembentukan masyarakat yang sejahtera dalam negara yang mapan.

Tidak mustahil dicapai

Bagi merealisasikan pengintegrasian ilmu dan akhlak dalam bentuk yang menyeluruh bukanlah suatu yang remeh dan mustahil untuk dicapai, bahkan ia perlulah dimulakan dengan kesedaran dalam kalangan semua peringkat masyarakat.

Setiap mereka mempunyai peranan dan tanggungjawab penting yang perlu dilaksanakan bagi menjayakannya kerana integrasi ilmu dan akhlak proses yang berterusan bermula daripada rumah lagi.

Kita tidak mahu nanti lahirnya ramai anak yang genius tetapi akhlak yang sangat dangkal seperti mencuri, menipu, memutarbelit dengan kepandaian yang dimiliki dan sebagainya. Begitu jugalah kepada guru dan kerajaan, perlu mengembleng idea dan tenaga bagi mencapai hasrat murni ini.

Mohd Nizwan Musling,

USIM